

FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR JURUSAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL TERLIBAT DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN

Najmi Hassan

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional. Kajian berbentuk kuantitatif ini memfokus kepada tiga faktor yang mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan iaitu faktor disiplin, dorongan dan juga tingkah laku. Responden kajian ini terdiri daripada 161 orang pelajar yang mengambil jurusan teknikal dan vokasional di Segamat, Johor. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berstruktur yang mengandungi 19 item yang menggunakan maklum balas skala Likert. Data yang diperolehi pula dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0* untuk mendapatkan nilai peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor yang paling mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya di kalangan pelajar adalah disiplin, diikuti dengan faktor dorongan dan seterusnya faktor tingkah laku pelajar.

Kata Kunci: Pelajar teknikal dan vokasional, bidang keusahawanan

ABSTRACT

This study was conducted to study the different factors of the field of entrepreneurship as a career in technical and vocational students. This quantitative form study focuses on three factors that select the choice of entrepreneurial field factors of disciplinary factors, motivation and even behavior. Respondents in this study consisted of 161 students majoring in technical and vocational in Segamat, Johor. The research instrument used contains 19 items structured questionnaire using likert scale feedback. The data obtained were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 software to obtain the percentage value. The results show that the most important factor in choosing the field of entrepreneurship as a career among students is discipline, followed by motivational factors and then student behavior factors.

Keywords: Technical and Vocational Students, field of entrepreneurship

1. PENGENALAN

Sistem pendidikan tinggi di Malaysia telah berkembang pesat dan semakin dikenali dengan peningkatan pengiktirafan global dalam pelbagai aspek seperti penerbitan, hasil penyelidikan dan sebagainya. Semakin tinggi aras pendidikan, semakin tinggi tahap pemikiran pelajar untuk mencapai kejayaan di dalam bidang pendidikan. Di Malaysia, kerajaan sangat menitikberatkan untuk membangunkan dalam bidang keusahawanan kerana kebanyakannya terdiri daripada golongan yang bertenaga. Potensi seperti mereka haruslah digilap dan dibimbing untuk menjadi usahawan yang berjaya pada masa akan datang.

Di dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi pelajar. Terdapat empat lonjakan yang telah diperkatakan iaitu, keberhasialan warga pendidikan tinggi termasuk pelajar Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Justeru itu, di dalam pendidikan guru perlu menerapkan pembelajaran keusahawanan agar pelajar dapat meminati untuk melakukan perniagaan di dalam mahupun di luar.

Keberhasilan pelajar yang dihasratkan adalah merangkumi kepada penghasilan graduan holistik, kecemerlangan bakat, keusahawanan, seimbang, pembelajaran sepanjang hayat dan

graduan TVET yang berkualiti. Sejar dengan Falsafah Pendidikan Negara, telah mengharapn graduan yang berkualiti serta memiliki disiplin yang baik dan menjaga tingkah laku agar dapat memajukan diri sendiri. Kemahiran yang dimiliki oleh belia pada masa kini, akan memudahkan mereka untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dan berinovasi dah kenyataan ini telah dibuktikan melalui kajian mengenai faktor-faktor kejayaan penyertaan siswa dan siswazah dalam kerjaya keusahawanan diebakkan mereka memiliki ilmu serta maklumat mengenai keusahawanan dan perniagaan (Kiyani, 2017)

Selain itu, dengan penglibatan keusahawanan dalam kalangan pelajar, ia juga bertujuan untuk membuka minda para pelajar untuk berdikari dan meneroka dengan peluang yang ada yang telah disarankan oleh kerajaan. Di samping itu, pelajar juga dapat meningkatkan sumber pendapatan melalui penglibatan keusahawanan di fakulti dan juga satu proses dinamik untuk mencipta kekayaan. Pelajar juga didedahkan dengan pelbagai komitmen untuk menjadi seorang usahawan dan mencipta sesuatu yang baru serta sanggup menghadapi sebarang risiko yang datang.

2. LATAR BELAKANG KEUSAHAWANAN DI MALAYSIA

Usahawan merupakan golongan yang mempunyai daya kreatif dan inovatif bagi menghasilkan sesuatu yang memberikan keuntungan kepada diri sendiri dan kemudahan kepada masyarakat sekeliling. Bidang keusahawanan perlu dibangunkan secara serius bermula dari peringkat awal dan sekolah merupakan medium yang berupaya memupuk dan membangunkan budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda. Anjakan paradigma pelajar terhadap kesedaran menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan perlu diwujudkan.

Pendidikan keusahawanan di peringkat awal membantu pelajar menjadi lebih kompetitif, berupaya berdikari dan yakin untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Budaya keusahawanan yang disuntik dari peringkat awal membolehkan pelajar mempunyai kelebihan bertindak secara proaktif, berdaya saing, mengutamakan perkara penting dan mampu meningkatkan nilai tambah dalam setiap keputusan yang diambil.

Keusahawanan ialah sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu cekap mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemah kepada strategi dan usaha perniagaan bagi mendapat keuntungan (Khan, 2017).

Huan (2014) menyatakan bahawa usahawan ialah individu yang mempunyai dorongan psikologi untuk memperoleh pencapaian yang tinggi dalam setiap usahanya dan akhirnya akan menghasilkan keuntungan. Walaupun dorongan ini dianggap sebagai kuasa bebas setiap individu, beliau mengakui bahawa kadang kala ia dipengaruhi oleh faktor lain seperti seperti pendidikan, bimbingan awal dan latar belakang individu tersebut.

Ciri-ciri keusahawanan merujuk kepada sifat atau personaliti yang perlu ada dalam diri seorang usahawan dan ciri-ciri ini akan mempengaruhi gaya mereka bertindak, berinteraksi dengan situasi dan kesediaan untuk berhadapan dengan risiko dan ketidakpastian.

Individu yang mempunyai ciri-ciri seperti seorang usahawan perlukan akan berpotensi tinggi untuk membuat tindakan keusahawanan berbanding sebaliknya. Individu yang berdisiplin dan minat akan bidang keusahawanan akan sedia menghadapi risiko, bermatlamat, kompetitif dan kreatif. Menurut Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar dan Najwa Hanis Azmi (2012) usahawan perlu yakin pengajaran yang berguna adalah melalui kegagalan dimana ia akan mendorong mereka untuk berusaha bersungguh-sungguh dan tidak kenal erti putus asa.

3. PENYATAAN MASALAH

Terdapat segelintir pelajar yang tidak mampu berbelanja akibat kesempitan kewangan ketika belajar. Pinjaman yang diperoleh oleh pelajar tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan harian, pembelian buku rujukkan, alatan-alatan tambahan pembelajaran serta lain-lain penggunaan kewangan. Lokasi tempat pengajian yang berada di tengah pekan atau bandar turut memberi impak dari segi harga keperluan barang yang mahal kepada pelajar untuk berbelanja harian.

Di samping melakukan kerja sambilan iaitu melakukan bisnes ketika belajar, masa yang diambil untuk melakukan kerja sambilan tidak mencukupi disebabkan jadual pelajar yang padat dengan kelas serta tugas menjadi halangan untuk pelajar melakukan kerja-kerja lain

(keusahawanan / berniaga). Pelajar turut perlu melakukan ulang kaji pelajaran yang dipelajari disamping mencari kewangan tambahan untuk menampung perbelanjaan harian ketika belajar.

4. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengenal pasti disiplin yang ada dalam diri pelajar untuk menjadi seorang usahawan.
2. Mengenal pasti tingkah laku pelajar untuk menjadi seorang usahawan.
3. Mengenal pasti dorongan untuk pelajar untuk menjadi seorang usahawan.

5. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah:


1. Apakah tahap disiplin dalam diri pelajar untuk menjadi seorang usahawan?
2. Apakah tahap tingkah laku pelajar untuk menjadi seorang usahawan?
3. Apakah tahap dorongan pelajar untuk menjadi seorang usahawan?

6. SKOP KAJIAN / LIMITASI KAJIAN


Data untuk kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik yang mengandungi empat (4) bahagian iaitu bahagian A (demografi), bahagian B (disiplin dalam keusahawanan), bahagian C (tingkah laku dalam keusahawanan) dan bahagian D (dorongan individu). Kajian dilakukan dalam kalangan pelajar jurusan teknikal dan vokasional di daerah Segamat, Johor, iaitu seramai 161 responden terlibat. Kajian ini menggunakan skala likert (5 point) iaitu bermula dengan 1=tidak setuju hingga 5 = sangat setuju. Data di analisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0*.

7. KERANGKA KONSEPTIONAL KAJIAN

Model ini dibentuk berdasarkan kerangka teori awal yang dibentuk dalam kajian Zairon Mustapha, Mohd Yusof Tawang dan Abdul Halim Ahmad (2016) sebagai rujukan. Dalam kajian itu, ia mengambil kira faktor sikap personal, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang mempengaruhi niat keusahawanan



Model Kerangka Kajian Niat Keusahawanan



Model Kerangka Kajian Faktor Mempengaruhi Kecenderungan Bidang Keusahawanan

Dalam kajian ini, tiga faktor yang dikenalpasti mempengaruhi pelajar untuk terlibat dalam bidang keusahawanan, iaitu faktor disiplin, tingkah laku dan dorongan. Disiplin pelajar yang merupakan salah satu ciri keusahawanan yang merujuk kepada sikap tidak putus asa dan berusaha gigih untuk berjaya dalam bidang keusahawanan (Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Najwa Hanis Azmi, 2012).

8. SOROTAN KAJIAN

Dalam bab sorotan kajian ini membincangkan mengenai kajian – kajian terdahulu yang signifikan dengan kajian yang hendak dilaksanakan. Menurut Creswell (2019) mengatakan bahawa sorotan kajian ini ialah suatu ringkasan dan penilaian yang kritis terhadap bahan –

bahan dalam suatu bidang. Maka, penjelasan tersebut dapat dirumuskan bahawa sorotan kajian ini ialah proses penilaian dan pemahaman secara mendalam hasil kajian terdahulu yang mempunyai perkaitan dengan persoalan yang dikaji.

USAHAWAN DAN KEUSAHAWANAN

Istilah usahawan lahir daripada perkataan usaha yang bermaksud daya upaya termasuk iktiar, kegiatan dan lain – lain perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan. Terdapat pendapat lain menyatakan bahawa usahawan merupakan individu yang berkebolehan untuk melihat, mengenal, merebut dan mewujudkan peluang – peluang untuk faedah ekonomi dan keuntungan (Muin, 2014). Perkataan entrepreneur berasal daripada perkataan Perancis iaitu ‘enterprendre’ yang bermaksud memikul tugas, tanggungjawab atau mencuba menurut Kiyani (2017). Manakala Fayolle (2013) menghuraikan definisi usahawan sebagai penciptaan usahaniaga baru melalui empat dimensi utama iaitu individu, organisasi, persekitaran dan proses yang dibantu oleh rangkaian kerjasama dalam kerajaan, pendidikan dan institusi.

Keusahawan sememangnya penting sebagai pemacu kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu kerajaan sudah menyediakan satu ekosistem menyeluruh bagi mempersiapkan bakal usahawan menempuh era Revolusi Industri 4.0. Pelbagai institusi sokongan diwujudkan seperti SME Corp, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan banyak lagi yang berperanan meningkatkan pembabitan rakyat dalam bidang keusahawan.

Bantuan disediakan tidak terhad dari segi kewangan semata – mata, malah mencukupi aspek latihan, bimbingan dan pementoran (Baazlan Ibrahim, 2016). Semua ini bagi memastikan kejayaan usahawan muda dalam mengharungi cabaran dalam dunia perniagaan.

Tambahan, langkah menyeluruh diambil pihak kerajaan bagi membuktikan keprihatinan pemimpin negara dalam memenuhi keperluan masyarakat dalam menghadapi perubahan pada era Revolusi Industri 4.0. Di samping itu, sektor pengajian tinggi menurut Kementerian Pengajian Tinggi, (2016) perlu memainkan peranan penting bagi menyediakan pengetahuan yang diperlukan agar dapat menyokong dan menggalakkan penglibatan. Justeru itu, pembangunan keusahawan semakin giat dipromosikan bagi menarik minat masyarakat

dalam menceburi bidang keusahawanan, Para pelajar di peringkat universiti adalah kelompok yang sesuai yang dilihat berupaya dalam melaksanakan hasrat murni ini.

TEORI KONSEP KENDIRI – TEORI MASLOW (1970)

Konsep sendiri seseorang sangat mempengaruhi kerjaya dalam sesuatu bidang. Tanpa disedari konsep sendiri ini juga boleh berubah-ubah dalam suatu jangka waktu tertentu. Ia dipengaruhi oleh faktor persekitarannya seperti ibu bapa, keluarga, guru, rakan sebaya dan juga masyarakat sekeliling.

Individu cenderung untuk membuat penilaian terhadap dirinya berdasarkan kepada tanggapan dan layanan orang-orang disekeliling terhadap dirinya. Individu akan lebih berkeyakinan pada dirinya sendiri jika tanggapan dan layanan yang positif dan baik diberikan kepadanya. Di sini satu konsep sendiri akan terbina iaitu penilaian tentang diri sendiri dan akan mempengaruhi sikap, interaksi sosial dan juga personaliti seseorang. Seterusnya, ia juga mempengaruhi matlamat dan juga cita-cita seseorang dalam memenuhi kehendaknya. Pernyataan di atas sesuai dengan teori yang dikemukakan oleh Maslow (1943) iaitu Teori Hierarki Keperluan. Menurut Maslow (1943) dalam Azlina Abu Bakar (2002), beliau mengelaskan keperluan asas manusia kepada lima keperluan mengikut hierarki. Keperluan asas tersebut ialah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, penghargaan sendiri dan juga peringkat yang tertinggi iaitu kesempurnaan sendiri.

FAKTOR TINGKAH LAKU

Tingkah laku keusahawanan terangkum dalam proses keusahawanan dan menjadi kunci utama dalam menentukan seseorang individu menceburi atau tidak dalam bidang keusahawanan (Jain et al.2018). Sikap, personaliti dan persepi adalah contoh gelagat atau tingkah laku usahawan (Farhana, 2013). Malah, seseorang usahawan mengakui bahawa kejayaan bergantung kepada sejauh mana tingkah laku yang mempengaruhi tindakan mereka. Hal ini menjelaskan bahawa pengalaman didedahkan menerusi pengalaman dari pekerjaan sebelum ini yang mempengaruhi tingkah laku mereka. Ini bertetapan dengan Huan (2016), di mana pendedahan kepada keperluan pendidikan keusahawanan melibatkan pelajar dengan aktiviti keusahawanan yang mempengaruhi persepsi mereka terhadap keinginan dan keupayaan keusahawanan.

Selain itu, Johansen (2013) menyatakan kecenderungan untuk bertindak adalah penting kerana pembolehubah seperti minat dan tidak memadai untuk membentuk keinginan. Malah, kecenderungan untuk bertindak mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan mengeksploitasi peluang yang ada. Hal ini selari dengan Tajudin (2014) yang menyatakan usahawan individu yang mencipta dan melakukan inovatif bagi membangunkan sesuatu nilai yang dikenal pasti peluang di persekitarannya.


Kejayaan usaha teroka adalah bergantung kepada keberkesanan tanggungjawab individu usahawan yang merupakan hasil tingkah laku mereka sendiri. Kajian ini daripada Vadavagi pada tahun 2013. Manakala menurut Tingey pada tahun 2016, berkata tingkah laku boleh mempengaruhi dan dipengaruhi secara sistematik menerusi peristiwa yang berlaku dalam persekitaran yang dilalui oleh setiap individu. Beliau menjelaskan lagi mengenai tingkah laku yang ditunjukkan sama ada secara terang – terangan atau secara berselindung serta bentuk tingkah laku tersebut sering mengalami perubahan. Ia bergantung kepada bentuk serta perubahan dalam peristiwa persekitaran yang dihadapi oleh usahawan – usahawan tersebut.

MODEL – MODEL DAN TEORI DALAM KEUSAHAWANAN

Model-model dan teori yang digunakan dalam membantu kajian ini ialah:

MODEL ASAS PROSES KEUSAHAWANAN

Rajah 2.1 menunjukkan model asas mengenai model proses keusahawanan yang dibangunkan oleh Baringger dan Ireland (2006). Ianya mempunyai empat langkah utama. Berdasarkan model di bawah, anak panah dua hala antara keputusan untuk menjadi usahawan dan membangunkan idea perniagaan yang berjaya menunjukkan bahawa kadangkala peluang untuk membangunkan seseorang itu mengambil keputusan untuk menjadi usahawan (Abu Bakar, Md Ali, Omar, Md Som dan Muktar (2007). Menurut Baringger dan Ireland (2006) pula, antara 3 faktor utama yang mempengaruhi seseorang individu membuat keputusan untuk menjadi usahawan ialah menjadi ketua, meneruskan idea mereka dan mencapai ganjaran kewangan.




Rajah 2.1: Model Asas Keusahawanan – Sumber: Barringer & Ireland (2006)

TEORI TINGKAH LAKU TERANCANG

Teori tingkah laku terancang menurut Azjen (1991) merupakan teori yang menghuraikan mengenai tingkah laku manusia. Teori tingkah laku terancang merupakan model lanjutan yang diubah suai berikutan kelemahan yang ketara dalam teori tindakan bersebab *Model Theory of Reasoned Action* yang dibangunkan oleh Fishben dan Azjen (1975). Teori ini juga memberi tumpuan utama kepada tahap keinginan yang mendorong bentuk tingkah laku yang hendak dipersembahkan (Azjen 1991). Ia juga menerangkan dan meramalkan bagaimana persekitaran budaya dan sosial memberi impak kepada kelakuan manusia.

Kecenderungan individu telah dikaitkan Azjen (1991) di mana faktor motivasi yang mempengaruhi kelakuan, bergantung kepada sebarang keputusan. Tiga elemen utama iaitu sikap terhadap kelakuan (nilai peribadi) yang merujuk kepada tahap sokongan terhadap sesuatu kelakuan, norma subjektif (tekanan sosial yang dirasai sama ada akan melakukan sesuatu atau tidak) dan tanggapan kawalan tingkah laku iaitu dengan melihat sejauh mana individu itu berupaya untuk mengawal tingkah laku. Secara ringkasnya, model teori tingkah laku terancang Azjen (1991) adalah seperti Rajah 2.2.



Rajah 2.2: Model Teori Tingkah Laku Terancang – Azjen (1991) dalam Salmah (2009)

FAKTOR DISIPLIN

Shuhairimi (2013) menyatakan disiplin merupakan satu bentuk pengawasan dan amalan yang dikehendaki. Jika di sekolah, disiplin merupakan satu kawalan bagi mewujudkan suasana yang tenteram supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur. Kenyataan ini dipersetujui oleh Huan (2016), disiplin merupakan sebuah kelompok masyarakat bagi mewujudkan tingkah laku yang baik dan merujuk kepada cara berfikir yang tersusun serta keyakinan diri seseorang itu.

Bagi menurut Farhana (2013), beliau menyatakan bahawa disiplin adalah memberi tumpuan yang sepenuhnya ke atas sesuatu tugas sehingga selesai. Manakala disiplin di dalam keusahawanan ialah kegiatan atau kemahiran untuk menjadi usahawan dengan berusaha dan mengambil risiko untuk mencapai matlamat sesuatu. Menurut Datuk Seri Johari Abdul Ghani (2017), menegaskan bahawa usahawan bumiputera perlu memiliki asas disiplin yang tinggi untuk memastikan perniagaan yang dijalankan mampu berdaya saing dan maju.

Kemampuan kerajaan untuk membantu para usahawan untuk berjaya hanyalah separuh sahaja dan mereka perlu mempunyai kesedaran untuk menguruskan perniagaan yang cekap. Bagi pelajar pula, adalah dititikberatkan untuk mengambil bidang keusahawanan di tempat

pengajian. Ini adalah kerana keperluan untuk pasaran pekerjaan adalah tipis. Maka, pelbagai saranan yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu golongan belia untuk meneruskan perniagaan pada masa akan datang.

Keusahawanan merupakan simbol kegigihan dan pencapaian di dalam perniagaan. Ini adalah penting kepada individu, masyarakat dan negara untuk menjadi sebagai pemangkin pembangunan ekonomi. Disiplin yang tinggi menjadi penentu faktor kepada kejayaan seseorang usahawan kerana segala usaha yang dilakukan harus memerlukan disiplin yang betul. Selain itu, keluarga dan rakan sebaya juga turut membantu dalam menimbulkan keinginan untuk menceburkan diri dalalam bidang keusahawanan.

Ahli keluarga turut mampu menggalakkan pelajar untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dan mempunyai komitmen sendiri. Malah, terdapat pelajar yang sejak dari kecil lagi datang daripada keluarga usahawan. Ini diakui oleh Trump (2006) yang berminat dengan bidang keusahawanan sejak dari kecil dan diberitahu oleh ayahnya untuk membantu keluarga. Sekiranya ahli keluarga tidak memberi sokongan, rakan sebaya atau guru juga dapat membantu dalam menimbulkan keinginan pelajar untuk menceburi dalam bidang keusahawanan.

Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, seseorang haruslah mempunyai tekad dan keyakinan dalam diri untuk bersaing dengan pasaran luar malah mempunyai disiplin yang tinggi. Selari dengan pernyataan, Dato Rosnah Abdul Rashid (2015), menyatakan bahawa disiplin diri yang tinggi mampu melahirkan insan yang cemerlang dari segi akademik mahupun sahsiah.

9. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk reka bentuk kuantitatif dan tinjauan bagi mendapatkan maklum balas daripada responden tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menjadi seorang usahawan dalam kalangan pelajar-pelajar jurusan teknikal dan vokasional di daerah Segamat, Johor. Instrumen kajian telah digunakan melalui edaran borang soal selidik terhadap pelajar-pelajar tersebut.

10. INSTRUMEN KAJIAN

Data untuk kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik berstruktur yang disediakan oleh pengkaji. Soal selidik berstruktur digunakan kerana sifatnya yang tegas, konkrit dan soalan soalan yang terhad. Creswell (2019) menjelaskan bahawa teknik ini tepat dan sesuai digunakan untuk memperolehi data yang objektif, tanpa pendapat atau penilaian responden. Borang selidik ini menggunakan skala Likert untuk pilihan jawapan responden. Kajian menggunakan skala Likert mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Responden perlu menjawab soal selidik ini dengan memberi penerangan berdasarkan skala Likert setakat mana mereka bersetuju dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan. Oleh sebab itu, reka bentuk kajian jenis ini sesuai untuk mengkaji faktor disiplin, dorongan dan tingkah laku pelajar dalam penglibatan dalam bidang keusahawanan.

Untuk kajian ini, pengkaji memilih untuk mendapatkan data primer dengan menggunakan soal selidik berstruktur. Soal selidik digunakan kerana kelebihan kelebihannya seperti yang dijelaskan oleh Creswell (2019) iaitu;

- Soalan-soalan yang tertutup,
- Responden boleh menjawab tanpa diketahui identiti mereka. Oleh itu soalan-soalan yang sukar dijawab secara terang-terangan boleh dijawab dengan mudah dan jujur.
- Tiada had geografi dan boleh dipos kepada responden.
- Menjimatkan kos dan masa.

11. ANALISIS DATA

Seramai 161 pelajar jurusan teknikal dan vokasional di Segamat, Johor menjadi responden untuk kajian ini. Data demografi yang diambil untuk kajian ini adalah umur, jantina, tahun pengajian dan pengalaman bekerja. Jadual 1 menunjukkan data demografi responden. Majoriti umur responden untuk kajian ini adalah sekitar 21-30 tahun (86.6%). Taburan responden dari kalangan pelajar perempuan lebih ramai (75.2%) berbanding pelajar lelaki (24.8%). Melalui data yang diperolehi, peratusan pelajar mempunyai pengalaman bekerja adalah tinggi (78.8%) berbanding yang tidak mempunyai pengalaman bekerja (21.2%).

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Faktor Demografi

Taburan Responden	Peratus (%)
Umur	
Bawah 20 tahun	10.4
21 – 30 tahun	86.6
31 – 40 tahun	1.2
Jantina	
Lelaki	24.8
Perempuan	75.2
Tahun Pengajian	
Satu	20.5
Dua	21.1
Tiga	32.9
Empat	25.5
Pengalaman Bekerja	
Pernah	78.8
Tidak Pernah	21.2

Mengenalpasti Faktor Disiplin Dalam Keusahawanan

Jadual 2 adalah faktor disiplin yang mempengaruhi pelajar terlibat dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan jadual 2, nilai min bagi item yang keempat iaitu “Saya percaya saya boleh berjaya dalam perniagaan dengan usaha yang gigih” merupakan min yang tertinggi iaitu 4.24. Ini menunjukkan responden percaya dengan usaha yang gigih dapat membantu mereka untuk berjaya dalam perniagaan. Manakala nilai min yang terendah adalah item kedua iaitu “Saya tidak suka menanggung kerja”.

Jadual 2: Faktor disiplin

Faktor Disiplin	Skor min
Saya menggunakan masa sebaik mungkin	4.16
Saya tidak suka menanggung kerja	3.92
Saya akan menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan	4.19
Saya percaya saya boleh berjaya dalam perniagaan dengan usaha yang gigih	4.24
Saya akan berusaha memulakan perniagaan setelah tamat pengajian	4.17

Mengenalpasti Faktor Dorongan Dalam Keusahawanan

Jadual 3 menunjukkan skor min faktor dorongan yang mempengaruhi pelajar menceburi bidang keusahawanan. Skor min yang tertinggi adalah item pertama iaitu “Saya berminat dalam bidang perniagaan” sebanyak 4.14. Manakala nilai skor min yang terendah sebanyak 3.68 iaitu item ketiga iaitu “Saya kerap bergaul dengan usahawan”. Dapatan ini menunjukkan pelajar menceburi bidang keusahawanan kerana minat yang tinggi dalam bidang perniagaan. Pelajar juga didapati kurang bergaul dengan usahawan.

Jadual 3: Faktor disiplin

Faktor Dorongan	Skor min
Saya berminat dalam bidang perniagaan	4.14
Saya sering mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan yang bakal diceburi daripada pensyarah	3.71
Saya kerap bergaul dengan usahawan	3.68
Saya sering mendapatkan nasihat daripada ahli keluarga tentang bidang yang bakal diceburi	3.92
Saya sering mendapatkan nasihat daripada sahabat handai tentang bidang yang bakal diceburi	3.94

Mengenalpasti Faktor Tingkah Laku Dalam Keusahawanan

Jadual 4 menunjukkan faktor tingkahlaku yang mempengaruhi pelajar menceburi bidang keusahawanan. Berdasar dapatan kajian, nilai skor min yang tertinggi adalah item keempat iaitu “Saya boleh membuat perancangan kerja mengikut tetapan tugas” sebanyak 4.04. Manakala nilai skor yang terendah adalah sebanyak 3.58 iaitu item kedua, “Saya kerap menyertai bengkel keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak institusi”. Ini menunjukkan pelajar boleh membuat perancangan kerja mengikut tetapan tugas dengan baik dan kurang menyertai bengkel keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak industri.

Jadual 4: Faktor tingkahlaku

Faktor tingkahlaku	Skor min
Saya sering terlibat dengan aktiviti jualan dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti	3.80
Saya kerap menyertai bengkel keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak universiti	3.58
Saya menyertai seminar/kursus keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak institusi	3.60
Saya mengetahui maklumat mengenai produk yang hendak dipasarkan	3.95
Saya boleh menyatakan objektif perniagaan dengan betul	3.92
Saya boleh menentukan strategik pemasaran produk yang hendak dipasarkan	3.96

Saya boleh membuat perancangan kerja mengikut tetapan tugas	4.04
Saya mengetahui maklumat mengenai produk yang hendak dipasarkan	3.98
Saya yakin dapat mengatasi halangan dan masalah jika perancangan perniagaan saya tidak berjalan seperti dirancang	4.02

12. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa faktor disiplin, dorongan dan di ikuti dengan faktor tingkah laku mendorong pelajar jurusan teknikal dan vokasional terlibat dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pelajar yang memiliki disiplin yang tinggi percaya bahawa mereka boleh berjaya dalam perniagaan dengan usaha yang gigih. Hal ini disokong oleh Datuk Seri Johari Abdul Ghani (2017), menegaskan bahawa usahawan bumiputera perlu memiliki asas disiplin yang tinggi untuk memastikan perniagaan yang dijalankan mampu berdaya saing dan maju.

Dari segi faktor dorongan, pelajar sendiri yang memiliki minat untuk menceburi bidang keusahawanan. Menurut Syahrina (2010), minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan akan mendorong seseorang individu untuk menceburi bidang keusahawanan. Minat mereka terhadap keusahawanan mungkin dipupuk dari kecil oleh ibu bapa mereka dan berterusan hingga ke IPT yang mewajibkan pelajar untuk mengambil kursus atau subjek keusahawanan.

Mengikut analisis faktor tingkah laku, pelajar lebih cenderung membuat perancangan kerja mengikut tetapan tugas. Mereka melatih diri untuk membuat persiapan awal apa yang perlu dilakukan mengikut keutamaan kerja. Oleh itu, mereka mempunyai masa untuk melakukan perniagaan kecil-kecilan untuk menampung perbelanjaan di universiti. Tingkah laku usahawan terangkum dalam proses keusahawanan dan menjadi kunci utama dalam menentukan seseorang individu menceburi atau tidak dalam bidang keusahawanan (Hisrich et al.2008).

RUJUKAN

- Abdul Aziz, Y. (2009). *Pendidikan Keusahawanan dalam Konteks Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar, T., Md Ali, A., Omar, R., Md Som, H. and Muktar, S.N. (2007). Women's Involvement In Entrepreneurship In Johor: A Study About Critical Factors In Achievement And Failure In Handling Business. Retrieved from <http://eprints.utm.my/5803/1/75087.pdf>
- Adib, M., Muin, A., Bakar, A. A., & Abdullah, S. (2014). *Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam*. *Journal of Human Development and Communication* Volume 3(September 2016),
- Ali Kiyani, S. (2017). *Role of Entrepreneurship Education on Student Attitudes*. *Journal, A., & Sciences, National University of Computer and Emerging Sciences*, (10), 270–294.
- Azlina Abu Bakar. (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Karisma Publications.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar dan Najwa Hanis Azmi. (2012). *Potensi Keusahawanan Dan Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. *Social Sciences & Technology*.
- Farhana Mohd Rosli. (2013). *Pembudayaan Keusahawanan Ke Arah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan Di Uthm*. *Zhurnal Eksperimental'noi i Teoreticheskoi Fiziki*, 33. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>.
- Fayolle, A. (2013). *Personal views on the future of entrepreneurship education*. *Entrepreneurship & Regional Development: An International Journal*, 692-701.
- Hasan, S. M., Khan, E. A., & Nabi, M. N. U. (2017). Entrepreneurial education at university level and entrepreneurship development. *Education + Training*, 59(7/8), 888–906. <https://doi.org/10.1108/ET-01-2016-0020>.
- Jain, R. and Ali, S. W. (2013). *A review of facilitators, barriers and gateways to entrepreneurship: directions for future research*. *South Asian Journal of Management*, 20 (3).
- Johansen, V., & Schanke, T. (2013). *Entrepreneurship Education in Secondary Education and Training*, 57(4), 357–368.
- John W. Creswell, T.C. Guetterman. (2019). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Pearson.
- Lee Chor Huan. (2016). *Critical Success Factors For Entrepreneur*. A Dissertation Submitted To The Department Of IPSR. UTAR.
- Robert D. Hisrich, Sergey Anokhin, Dietmar Grichnik. (2008). *The Journey from Novice to Serial Entrepreneurship in China and Germany: Are the Drivers the Same?*. Researchgate.net
- Salmah Ishak. (2009). "Hubungan sikap, kecenderungan personaliti dan tahap keinginan peserta Skim Usahawan Siswazah terhadap Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan", Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shuhairimi Abdullah. (2013). *The characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective*. *Journal of Islamic Human Advanced Research*, 3 (6), 322-345.
- Syahrina Abdullah, (2010). *Mengenal Ciri-ciri Usahawan*. Di dalam Rosli Mahmood, Azrain Nasyarah, Rosli, Mohamad Yusop, Norria, Syahrina, Ahmad Khairi, Hoe Chee Yee,

-
- Shamsul Huda, Muhammad Shukri, Shiza Sa'atur, Lily Julienti, Habshah (2nd Edition). *Prinsip-prinsip Keusahawanan* (pp. 24-26) Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Tajudin, A., Aziz, R. A., Mahmood, R. & Abdullah, M. H. (2014). *The relationship between Entrepreneurial Orientation and Business Performance of SMEs in Malaysia*. *International Journal of Management Excellence*, 2(3), pp. 221-226.
- Tingey, L., Larzelere-Hinton, F., Goklish, N., Ingalls, A., Craft, T., Sprengeler, F., ... Barlow, A. (2016). Entrepreneurship education: A strength-based approach to substance use and suicide prevention for American Indian adolescents. *American Indian and Alaska Native Mental Health Research*, 23(3), 248–270. <https://doi.org/10.5820/aian.2303.2016.248>
- Vadavadagi, P. K. & Joshi, S. P. (2013). *Attitude of management students towards entrepreneurship: A Study of Selected District of North Kamataka*. *Pacific Business Review International*. 5(8).
- Walliman, N. (2001). *Your Research Project: A Step-By-Step Guide for The First Time Researcher*. London: Sage Publication.
- Zairon Mustapha, Mohd Yusof Tawang & Abdul Halim Ahmad. (2016). *Faktor yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia*. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 1, pp.28-35.